



Operasi khas penjaja warga asing yang beroperasi tanpa lesen dijalankan di beberapa kawasan sekitar ibu kota, semalam.

(Foto ihsan FB DBKL)

# DBKL sita barang niaga 11 lagi penjaja warga asing

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sekali lagi menyita barang perniagaan milik 11 penjaja warga asing yang beroperasi tanpa lesen di beberapa tempat sekitar ibu kota, semalam.

DBKL dalam hantaran di Facebook memaklumkan, operasi khas penjaja warga asing itu

dijalankan di Jalan Petaling, Jalan Tun Tan Siew Sin, Jalan Leboh Pudu, Jalan P Ramlee, Masjid Jamek dan depan KLCC serta pusat beli-belah Pavilion Bukit Bintang.

Menurut DBKL, tindakan itu diambil mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja 2016.

“Aktiviti perniagaan itu memabatkan jualan pakaian, makanan dan minuman oleh warga asing tanpa kelulusan sah.

“Semua barang perniagaan yang disita dipindahkan ke Stor Sitaan DBKL di Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tujuan dokumentasi dan siasatan lanjut,” kata kenyataan itu.

DBKL memaklumkan, pemantauan secara statik turut dijalankan oleh penguat kuasa dengan kehadiran wakil Jabatan Imigresen bagi memastikan tiada kegiatan jualan dijalankan tanpa lesen, khususnya oleh bukan warganegara.

Katanya, DBKL akan menjalankan pemantauan berterusan

di tempat tumpuan itu bagi memastikan undang-undang dipatuhi demi kesejahteraan warga kota.

“Orang awam yang mempunyai maklumat berkenaan penjajaan tanpa lesen boleh menyalurkan aduan menerusi pautan <https://adukl.dbkl.gov.my>,” katanya.